

CNS7368

R GB 11-10 00191 BA442

BAH

GOLONGAN MEWAH SELEPAS MERDEKA PERLU BANTU YANG MISKIN .
Mahathir - Bantu

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Rakyat negara ini yang memperolehi pelbagai nikmat dan kemewahan sejak negara mencapai kemerdekaan dan selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka yang berjaya mempunyai tanggungjawab sosial untuk berbuat demikian, tegas Perdana Menteri.

+Kita tidak seharusnya mengharapkan kerajaan semata-mata untuk membantu golongan ini (kurang bernasib baik), + jelasnya.

Kerajaan sentiasa menyambut baik langkah orang perseorangan atau pihak swasta untuk membantu golongan tersebut, kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika melancarkan Yayasan Ubaidi di sini hari ini.

Beliau juga menjelaskan bahawa zakat merupakan satu daripada ibadat yang mulia dalam Islam untuk keadilan masyarakat dengan mengagihkan kekayaan yang diperolehi umat yang lebih cekap mengumpulkan harta kepada yang miskin.

Umat Islam tidak harus terlalul berminat untuk menerima sahaja tetapi sebaliknya hendaklah berusaha mencari kekayaan secara halal, supaya dapat bersedekah dan mengeluarkan zakat, katanya.

Perdana Menteri berkata, masyarakat yang lebih suka menerima daripada memberi tidak akan menjadi masyarakat yang bahagia -- Lagi.

♥11/10/12-29MST

R GB 11-10 00133 BA443

BAH

Mahathir - Bantu 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembentukan negara kebajikan ciptaan Barat dengan majoriti rakyatnya menjadi penerima tanpa usaha menyebabkan masyarakat mereka menjadi malas dan kucar-kacir, dan pembangunan terjejas.

+Negara yang maju sekalipun telah menjadi lemah kerana 'sikap itu, + katanya.

Perdana Menteri berkata, mereka yang menerima bantuan dan kemudian berjaya memulihkan kedudukan kewangan mereka hendaklah membayar balik kepada masyarakat.

Dengan itu masyarakat akan dipenuhi dengan dermawan dan sesiapa yang benar-benar memerlukan bantuan tidak akan kecewa kerana sumber bantuan begitu banyak, katanya.

Menurutnya, masyarakat seperti ini akan menjadi masyarakat yang adil dan bahagia.

Mengenai penubuhan Yayasan Ubaidi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia menggambarkan perasaan tanggungjawab pengasasnya, Tan' Sri Ubaidullah Kadir Basra, untuk berbakti kepada masyarakat -- Lagi.

♥11/10/12-50MST

Mahathir - Bantu 3 Kuala Lumpur (Akhir)

Katanya, **Tan Sri S.O. K. Ubaidullah** ialah seorang peniaga yang ber jaya dan menjadi tokoh dermawan yang telah banyak memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan neyara.

Yayasan Ubaidi yang ditubuhkan oleh **Tan Sri S.O.K. Ubaidullah** telah didaftarkan pada 12 Mei tahun lepas mengikut Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) tahun 1952 (Semakan tahun 1981).

Yayasan ini yang melaburkan dalam bidang hartanah, mempunyai wang sebanyak \$15 juta. Hasil pendapatan pelaburan itu memberikan pulangan \$1.5 juta setahun.

Lembaga pemegang amanah yayasan itu terdiri daripada empat orang anggota keluarga **Tan Sri S .O. K. Ubaidullah** sendiri dan seorang dermawan Johor, **Maji Abdul Wahid Varthan Abdul Ghani**. Seorang pegawai daripada Kementerian Kewangan dan seorang hakim Mahkamah Agung juga akan di jemput menganggotai lembaga itu.

Yayasan itu mempunyai 14 matlamat antaranya ialah untuk membantu golongan miskin tanpa mengira agama dan keturunan, dan memberi sumbangan kepada institusi-institusi yang terlibat dalam penyelidikan dan pendidikan perubatan. -- Bernama.